


II



PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN CONSTITUTION



2.7

LATAR BELAKANG SEJARAH PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

APAKAH TAKRIF PERLEMBAGAAN?

Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi sebagai teras pemerintahan sesebuah negara.



APAKAH KRONOLOGI SEJARAH NEGARA KITA?

Tamadun Asia Tenggara bermula sejak sebelum abad pertama Masihi dan berkembang dengan pesat. Sejak zaman Kerajaan Alam Melayu lagi, perlembagaan sudah wujud dalam bentuk kedaulatan raja yang berkuasa mutlak. Undang-undang ditulis berdasarkan titah raja. Kedatangan Islam dari Tanah Arab, China dan India memperkukuhkan lagi kedudukan Sultan. Pada masa yang sama, Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka juga digubal untuk menjaga keamanan dan kedaulatan. Negeri-negeri Melayu yang diasaskan selepas keruntuhan Empayar Melaka akibat serangan Portugis mewariskan warisan Kesultanan Melayu Melaka. Kedatangan British di negara kita menyebabkan kuasa raja semakin berkurangan. Hal ini juga menyebabkan kemunculan birokrasi Barat dan pengenalan undang-undang Barat.




2.7

LATAR BELAKANG SEJARAH PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Apakah ciri-ciri Undang-undang Negeri Melayu?

- ☞ **Pemerintah : Raja**
- ☞ **Diperintah : Rakyat**
- ☞ **Tanggungjawab Raja : Menentukan undang-undang dan sistem pemerintahan**
- ☞ **Tanggungjawab Rakyat : Memberikan ketaatsetiaan**
- ☞ **Contoh :**

- 👑 **Hukum Kanun Melaka**
- 👑 **Undang-undang Laut Melaka**
- 👑 **Hukum Kanun Pahang**
- 👑 **Undang-undang Kedah**
- 👑 **Undang-undang Johor**
- 👑 **Undang-undang 99 Perak**



FUNGSI UNDANG-UNDANG

- Digunakan sebagai asas perlembagaan.
- Menjadi panduan serta kawalan kepada raja dan pembesar dalam proses pemerintahan negara.



2.7

LATAR BELAKANG SEJARAH PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Apakah ciri-ciri Undang-undang Inggeris - NNS?

- ☛ **Negeri-negeri Selat** : Charter of Justice yang diambil daripada undang-undang yang digubal di England. Antara kesemua piagam, piagam yang bersesuaian untuk kegunaan Negeri-negeri Selat ialah Charter of Justice 1807.
- ☛ **Charter of Justice I** : Mewujudkan mahkamah di Pulau Pinang.
- ☛ **Charter of Justice II** : Menyatukan mahkamah di Singapura, Melaka dan Pulau Pinang.
- ☛ **Charter of Justice III** : Mewujudkan mahkamah
 - ☛ Singapura dan Melaka.
 - ☛ Pulau Pinang



FUNGSI UNDANG-UNDANG

- Melindungi penduduk asal daripada penindasan dan ketidakadilan.



2.7

LATAR BELAKANG SEJARAH PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Apakah ciri-ciri Undang-undang Inggeris – Sarawak dan Sabah?

- ▼ *Sarawak : The Sarawak Application of Laws Ordinance 1949 yang menggunakan The Common Law of England.*
- ▼ *Badan yang berkuasa membuat undang-undang : Council Negeri (Majlis Negeri)*
- ▼ *Bilangan ahli : 45 orang ahli*
- ▼ *Pengerusi : Ketua Setiausaha*
- ▼ *Pengerusi Majlis Tertinggi : Gabenor*
- ▼ *Dianggotai oleh : Ketua Setiausaha, Setiausaha Kewangan dan Peguam Negara*
- ▼ *Sabah : Sabah Application of Laws Ordinance 1951.*
- ▼ *Majlis Undangan dan Majlis Kerja ditubuhkan.*
- ▼ *Tanggungjawab Majlis Undangan : Memberikan kuasa kepada Gabenor untuk menggubal undang-undang.*



FUNGSI UNDANG-UNDANG



2.2


SEJARAH PENGGUBALAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

1877

Majlis Negeri Perak dipengerusikan oleh Raja Muda Yusuf. Ia berperanan untuk menggubal undang-undang bagi negeri Perak. Majlis Negeri di negeri Melayu yang lain juga memainkan peranan yang sama.

1946

Majlis Undangan Negeri menggubal undang-undang di NNS. Majlis Persekutuan menggubal undang-undang di NNMB. Majlis Negeri menggubal undang-undang di NNMTB.



Sejarah
Penggubalan
Perlembagaan
Persekutuan


1948

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 melibatkan negeri-negeri Melayu, Melaka dan Pulau Pinang. Kandungan yang terdapat dalam Persekutuan Tanah Melayu termasuklah pentadbiran, kuasa raja Melayu, perundangan dan kewarganegaraan.

1957

Suruhanjaya perlembagaan ini dikenali sebagai Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu atau Suruhanjaya Reid. Ia disesuaikan dengan model Westminster yang diambil dari Britain. Ia berkuatkuasa sejurus selepas kemerdekaan.





2.3

CIRI UTAMA PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN



CIRI TRADISIONAL



1. Kesultanan atau Pemerintahan Beraja

- Pemerintah Berdaulat : Sultan
- Konsep : Demokrasi berparlimen
- Pemerintah Tertinggi Negara : Yang di-Pertuan Agong
- Kuasa Baginda : Kuasa mengampun dan menangguhkan hukuman orang yang disabitkan kesalahan oleh mahkamah, membuat pelantikan bagi jawatan utama negara.
- Ketua Negeri : Raja
- Kuasa Baginda : Kuasa eksekutif yang dilaksanakan melalui nasihat Majlis Mesyuarat Negeri, kuasa mengampun dan menangguhkan hukuman kepada mereka yang disabitkan kesalahan oleh mahkamah serta pelantikan jawatan utama negeri.
- Baginda dikenali sebagai : Tonggak kehormatan dan keadilan yang membolehkan baginda mengurniakan anugerah, penghormatan dan bintang kehormat kepada individu yang terpilih.

2. Agama Islam

- Zaman British : Raja di negeri Melayu tidak perlu menerima nasihat daripada penasihat British berkaitan dengan hak dan kedaulatan raja, adat istiadat orang Melayu dan agama Islam.
- Selepas Merdeka : Terletak di bawah kuasa raja di negeri masing-masing. Bagi Wilayah Persekutuan dan negeri tidak beraja, perkara ini terletak di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong.


3. Bahasa Melayu

- Dikenali sebagai : Lingua franca dalam memainkan peranan sebagai bahasa ilmu.
- Kini : Menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di negara kita.

4. Kedudukan Orang Melayu dan Bumiputera

- Sebelum Merdeka : Di bawah kuasa raja dan ketua peribumi,
- Selepas Merdeka : Yang di-Pertuan Agong diberi tanggungjawab memelihara kedudukan istimewa bumiputera dan kepentingan sah kaum lain.





2.3

CIRI UTAMA PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

CIRI MODEN




KERAJAAN PERSEKUTUAN

Perkara utama :

Mewujudkan satu sistem kerajaan Persekutuan.

Dua bahagian : Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Selepas negara Malaysia dibentuk : Sarawak dan Sabah diberi beberapa autonomi.



2.3

CIRI UTAMA PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

CIRI MODEN

2

SISTEM DEMOKRASI BERPARLIMEN


Asas kepada demokrasi : Pilihan raya umum pada tahun 1955.

Tujuan pilihan raya : Memberikan kebebasan kepada rakyat memilih pemimpin dan menubuhkan kerajaan.

Tanggungjawab Suruhanjaya

Pilihan Raya :

- Pilihan raya persekutuan memilih wakil untuk membentuk Kerajaan Persekutuan.
- Pilihan raja negeri memilih wakil untuk Kerajaan Negeri.



2.3

CIRI UTAMA PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

CIRI MODEN

3

KEWARGANEGARAAN

Diperkenalkan melalui : Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.

Sebelum kemerdekaan : Negara kita tidak mempunyai kewarganegaraan yang sama.

Kerakyatan : Rakyat raja di negeri yang beraja dan Rakyat British di negeri Melaka dan Pulau Pinang.

Sebelum kemerdekaan : Negara kita mendapat taraf kewarganegaraan yang sama kepada rakyat.

2.4

PINDAAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN 1963 DAN 1965

osxdaily.com

OSXDaily

Apple

Mac - Apple

iPhone - Apple

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 menetapkan struktur Mahkamah Atasan mengikut model Mahkamah Tertinggi England yang membahagikannya kepada Mahkamah Atasan dan Mahkamah Rayuan. Apabila Malaysia dibentuk, Mahkamah Atasan diwujudkan, iaitu Mahkamah Persekutuan. Tiga buah Mahkamah Atasan diwujudkan, iaitu di Persekutuan Tanah Melayu, di Sarawak dan Sabah serta di Singapura. Mahkamah Persekutuan boleh mendengar mana-mana persoalan perlembagaan dan pertikaian antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

Perlembagaan Malaysia mengekalkan kedudukan Mahkamah Tinggi Malaya dan pada masa yang sama diwujudkan Mahkamah Tinggi Borneo. Mahkamah Tinggi Borneo ini berperanan untuk menguruskan soal kehakiman di Sarawak dan Sabah. Pada tahun 1963, jawatan Ketua Hakim Borneo diwujudkan dengan berpusat di Kuching, Sarawak. Menjelang tahun 1994, nama jawatan ini diubah kepada Ketua Hakim Sabah dan Sarawak.

Apabila Malaysia dibentuk, Sarawak dan Sabah diketuai oleh Yang di-Pertua Negeri yang dilantik oleh Yang diPertuan Agong. Dalam menjalankan tugasannya, Yang di-Pertua Negeri perlu mengikut nasihat Majlis Tertinggi bagi Sarawak dan Kabinet Negeri bagi Sabah.






2.4


PINDAAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN 1963 DAN 1965




*Parlimen meluluskan
usul ini yang
membolehkan Singapura
keluar daripada
Malaysia.*



*Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj
selaku Perdana Menteri Malaysia
pertama, membawa usul pindaan
perlembagaan yang dinamakan pindaan
Singapura di Parlimen pada 7 Ogos
1965.*



*Oleh itu, semua
perkara berkaitan
dengan Singapura
dimansuhkan dalam
Perlembagaan
Malaysia.*



*Contohnya, dari segi imigresen,
kewangan, hubungan luar negara
dan pertahanan.*



Penerokaan bukti warisan tradisional dalam kerajaan Melayu wajar dihayati bagi memupuk semangat kesetiaan kepada raja dan negara.



Keunggulan pemerintahan beraja sebelum kedatangan barat yang diwarisi dan diamalkan berperanan mengukuhkan keharmonian kaum dan kedaulatan negara.



Hubungan antara raja dengan rakyat yang diwarisi sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka penting untuk kesejahteraan penduduk dan negara.



Sebagai ahli dalam keluarga, sikap menghormati golongan yang lebih tua dalam kalangan keluarga dapat mengukuhkan institusi keluarga dan menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat.



Perpaduan dalam masyarakat pelbagai kaum, budaya dan agama menjadi asas penting untuk menjamin keluhuran perlembagaan negara kita.



RUMUSAN BAB

Malaysia sebuah negara unik yang mempunyai perlembagaan berasaskan ciri tradisional dan moden.

Kedua-dua ciri ini saling melengkapi antara satu sama lain. Apabila Malaysia dibentuk pada tahun

1963, pindaan perlembagaan dilakukan bagi menyesuaikan dengan Sarawak dan Sabah.

Pindaan perlembagaan yang dilakukan pada tahun 1965 menyaksikan pemisahan Singapura daripada

Malaysia. Sebagai rakyat Malaysia, kita bertanggungjawab mempertahankan perlembagaan

demi kedaulatan negara.

